



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: JBNS(A):100-4/10 Vol.(2)(87)

Tarikh : 17 November 2017

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 14 TAHUN 2017 PENGGUNAAN SISTEM e-POL SEPENUHNYA DI SEMUA STESEN PAM MINYAK JKR DIKUATKUASAKAN MULAI 1 DISEMBER 2017

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan tentang penggunaan Sistem e-POL sepenuhnya di semua stesen pam minyak JKR.

2. LATARBELAKANG

2.1 Sistem ePOL telah dibangunkan dalam tahun 2016 oleh Jabatan Bendahari Negeri dengan kerjasama dari pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri dan Jabatan Kerja Raya.

2.2 Sistem ePOL diperkenalkan kepada Jabatan/Kementerian Negeri pada bulan November 2016 melalui Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12 Tahun 2016 bertarikh 11 November 2016.

3. PENGGUNAAN SISTEM ePOL SEPENUHNYA

3.1 Sejak bulan Januari 2017 Sistem ePOL mula dilaksanakan oleh Jabatan/Kementerian Negeri secara berperingkat tertakluk kepada keupayaan stesen pam minyak JKR untuk memenuhi keperluan Sistem ePOL.

.../2-



- 3.2 Pihak JKR telah berusaha untuk memastikan semua stesen pam minyak JKR bersiap-sedia dan kini boleh memenuhi keperluan Sistem ePOL sepenuhnya.
- 3.3 Sehubungan itu, penggunaan Sistem ePOL sepenuhnya adalah dikuatkuasakan mulai 1 Disember 2017.
- 3.4 Semua Jabatan/Kementerian Negeri dikehendaki menggunakan Sistem ePOL sepenuhnya dan pengambilan POL cara konvensional tidak akan dibenarkan lagi.

4. PENGAMBILAN DAN PENGAKAUNAN PERBELANJAAN POL TAHUN 2017

- 4.1 Sehubungan dengan penguatkuasaan penggunaan ePOL sepenuhnya mulai 1 Disember 2017, maka semua pengambilan POL dalam tahun 2017 adalah diambilkira sehingga 31 Disember 2017 dan bukannya setakat 15 Disember sahaja sepertimana dalam Surat Pekeliling Penutupan Akaun.
- 4.2 Ini juga bermakna perbelanjaan POL oleh Jabatan/Kementerian untuk bekalan POL tahun 2017 akan diakaunkan sepenuhnya dalam akaun kewangan Tahun 2017 dan tidak dibawa ke Tahun Kewangan 2018.
- 4.3 Semua perbelanjaan POL tahun 2017 hanya akan diakaunkan selewat-lewatnya dalam Akaun Disember 2017 sahaja dan pengakaunan dalam tempoh AKB tidak dibenarkan.

5. TANGGUNGJAWAB JABATAN KERJA RAYA

Pihak JKR adalah bertanggungjawab untuk memastikan bekalan minyak dan pelincir (POL) kepada kenderaan dan jentera kepunyaan Jabatan/Kementerian Negeri hanya dibekalkan berdasarkan Sistem ePOL. Semua pengambilan POL secara konvensional tidak boleh dibenarkan lagi mulai 1 Disember 2017.

6. TARIKH KUATKUASA/PERTANYAAN

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta. Sebarang pertanyaan berkaitan pentadbiran surat pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri manakala operasi Sistem ePOL boleh dikemukakan kepada pihak JKR.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Bangunan KPI
88582 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
KOTA KINABALU

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah
Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021
88450 KOTA KINABALU